

Asia Pasifik

Tinjauan Persepsi Pantas COVID-19

Teks Cadangan untuk peserta:

Palang Merah dan _____ ingin memahami apa yang anda sudah ketahui dan ingin tahu tentang COVID-19.

Tinjauan ini akan mengambil masa 20 minit, dan merangkumi soalan-soalan tentang kesihatan dan komunikasi. Jawapan anda akan membantu kami memperbaiki cara kami merespons terhadap COVID-19.

Terima kasih kerana menyertai tinjauan ini.

Bagi tinjauan atas talian (online): Mulakan tinjauan apabila anda mempunyai masa untuk menyiapkannya tanpa gangguan. Sila tutup program lain (contohnya, bilik bual atau e-mel) untuk mengelak daripada gangguan.

Maklumat lanjut:

1. Tinjauan ini adalah tanpa nama dan kami tidak akan meminta nama atau alamat anda. Kami akan menggabungkan semua jawapan yang diterima daripada anda dan peserta lain, dan jawapan anda akan disimpan dengan selamat. Kami, atau rakan organisasi kami, mungkin akan menggunakan jawapan ini pada masa depan, tetapi jawapan anda tidak akan boleh dikenal pasti.
2. Anda boleh berhenti menjawab pada bila-bila masa tanpa alasan.

Cara menghubungi kami

Tanggungjawab:

XXX

Adakah anda bersetuju untuk menjawab beberapa soalan?

Ya

Tidak (hentikan tinjauan)

Panduan: Sertakan soalan-soalan di bawah dalam semua penilaian.

Lampiran menyenaraikan lebih banyak soalan yang anda boleh sertakan, mengikut konteks dan data sekunder. Lihat nota panduan yang disertakan 'Cara menjalankan penilaian secara jarak jauh.'

Demografik

No.	Soalan-soalan	Struktur jawapan
1.	Di manakah lokasi tempat tinggal anda?	Bandar

		Wilayah Kawasan perbandaran
2.	Apakah jantina anda?	Lelaki Perempuan Lain-lain Memilih untuk tidak menyatakan
3.	Apakah kumpulan umur anda?	Di bawah 12 tahun 13-17 tahun 18-29 tahun 30-39 tahun 40-49 tahun 50-59 tahun 60-69 tahun 70-79 tahun Lebih 80 tahun
4.	Sila berikan perincian tentang latar belakang pendidikan anda	Persekolahan kurang daripada 9 tahun Persekolahan selama 9 tahun Sekurang-kurangnya 10 tahun (tanpa kelayakan kemasukan universiti) Lebih 10 tahun (tanpa kelayakan kemasukan universiti)
5.	Apakah bahasa utama yang digunakan di rumah?	Menu ke bawah – bahasa Asia Pasifik dengan pilihan lain.
Pengetahuan dan Amalan		
6.	Adakah anda pernah mendengar tentang COVID-19? (Pilih satu jawapan)	Ya Tidak Tidak tahu

	<p>Sertakan penapis untuk dipamerkan selepas soalan Tidak atau Tidak tahu</p> <p>COVID-19 ialah penyakit yang disebabkan oleh koronavirus jenis baharu. 'CO' bermaksud korona (corona), 'VI' untuk virus, dan 'D' untuk penyakit (disease). Sebelum ini, penyakit ini dirujuk sebagai 'koronavirus novel 2019' atau '2019-nCoV.' Virus COVID-19 ialah virus baharu yang dikaitkan dengan keluarga virus yang sama seperti Sindrom Pernafasan Akut yg Teruk (SARS) dan sesetengah jenis selesema. Terdapat peletusan wabak penyakit pernafasan yang disebabkan oleh koronavirus novel. Virus ini pertama kali ditemui di China pada 2019 dan merebak ke seluruh dunia sejak itu. Terdapat beribu-ribu kes yang disahkan dan banyak kematian berkaitan dengan koronavirus novel, termasuklah di [tambahkan negara]. Sumber: WHO, UNICEF, IFRC</p>	
7.	Setakat manakah COVID-19 adalah berbahaya? (Pilih satu)	<p>Sangat berbahaya</p> <p>Kurang berbahaya</p> <p>Tidak berbahaya</p> <p>Tidak tahu</p>
8.	Bagaimanakah COVID-19 merebak? (Pilih satu atau lebih daripada satu jawapan)	<p>Pemindahan darah</p> <p>Titisan cecair daripada orang yang dijangkit</p> <p>Melalui udara</p> <p>Kontak langsung dengan orang/binatang yang dijangkit</p> <p>Menyentuh objek atau permukaan yang tercemar</p> <p>Gigitan nyamuk</p> <p>Memakan makanan tercemar</p> <p>Meminum air tidak bersih</p> <p>Tidak tahu</p>

<p>9.</p>	<p>Bagaimanakah anda dan keluarga anda melindungi diri daripada COVID-19? (Pilih satu atau lebih daripada satu pilihan)</p> <p>Sertakan penapis untuk dipamerkan selepas soalan ini.</p> <p>Perkara yang anda boleh lakukan untuk melindungi diri dan keluarga anda daripada COVID-19.</p> <p>a. Basuh tangan anda dengan kerap</p> <p>Bersihkan tangan anda dari semasa ke semasa secara teliti dengan cucian tangan yang mengandungi alkohol atau basuh tangan dengan sabun dan air.</p> <p>Mengapa? Membasuh tangan dengan sabun dan air atau cucian tangan yang mengandungi alkohol membunuh virus yang mungkin berada di atas tangan anda</p> <p>b. Mengekalkan jarak sosial</p> <p>Mengekalkan sekurang-kurangnya jarak 1 meter (3 kaki) di antara anda dan sesiapa sahaja yang batuk atau bersin.</p> <p>Mengapa? Apabila seseorang batuk atau bersin, mereka menyembur titisan cecair kecil dari hidung atau mulut mereka yang mungkin mengandungi virus. Jika anda terlalu rapat, anda akan menyerap masuk titisan cecair tersebut, termasuk virus COVID-19 jika orang yang batuk itu dijangkiti penyakit itu.</p> <p>c. Elakkan daripada menyentuh mata, hidung dan mulut anda</p> <p>Mengapa? Tangan menyentuh pelbagai permukaan dan boleh terkena virus. Setelah tercemar, tangan boleh memindahkan virus kepada mata, hidung atau mulut anda. Virus</p>	<p>Basuh tangan dari semasa ke semasa menggunakan pensanitasi tangan yang mengandungi 70% alkohol atau sabun dan air selama 20 saat.</p> <p>Tutup mulut dan hidung apabila batuk atau bersin</p> <p>Elakkan daripada mendekati orang yang demam dan batuk</p> <p>Elakkan daripada menyentuh mata, hidung dan mulut anda</p> <p>Masak makanan berdaging dan telur sepenuhnya</p> <p>Elakkan sentuhan langsung tanpa perlindungan dengan binatang hidup dan permukaan yang bersentuhan dengan binatang</p> <p>Duduk di rumah</p> <p>Ikut saranan pihak berkuasa di negara anda untuk mencegah penyebaran COVID-19</p> <p>Gunakan ubatan herba tradisional</p> <p>Memakai topeng muka</p> <p>Tidak tahu</p> <p>Lain-lain</p>
-----------	---	---

itu boleh memasuki badan anda dan membuat anda sakit darinya.

d. Amalkan kebersihan pernafasan

Pastikan anda, dan juga orang di sekeliling anda, mengikuti kebersihan pernafasan yang baik. Hal ini bermaksud menutup mulut dan hidung dengan siku yang terlipat atau tisu apabila anda batuk atau bersin. Selepas itu, buang tisu yang digunakan dengan segera.

Mengapa? Titisan menyebarkan virus. Dengan mengikuti kebersihan pernafasan yang baik, anda melindungi orang di sekeliling anda daripada virus seperti selesema dan COVID-19

e. Sekiranya anda demam, batuk atau mengalami kesukaran bernafas, dapatkan rawatan perubatan dengan segera

Duduk di rumah jika anda berasa kurang sihat. Sekiranya anda demam, batuk atau mengalami kesukaran bernafas, dapatkan perhatian perubatan dan buat panggilan lebih awal. Patuhi nasihat pihak berkuasa kesihatan tempatan anda.

Mengapa? Pihak berkuasa kebangsaan dan tempatan akan mempunyai maklumat terkini tentang situasi kawasan anda. Membuat panggilan lebih awal akan membolehkan pihak penjagaan kesihatan anda untuk membawa anda terus ke kemudahan kesihatan yang betul. Hal ini juga akan melindungi anda dan membantu mencegah penyebaran virus dan jangkitan lain.

f. Sentiasa mengambil tahu dan mengikuti nasihat yang diberi pihak penjagaan kesihatan anda

Ambil tahu tentang perkembangan terkini COVID-19. Ikuti nasihat yang diberi pihak penjagaan kesihatan, pihak berkuasa kesihatan kebangsaan dan tempatan atau majikan anda tentang cara melindungi diri dan orang lain daripada COVID-19.

	<p>Mengapa? Pihak berkuasa negara dan setempat akan mempunyai maklumat terkini tentang penyebaran COVID-19 di kawasan anda. Mereka ialah penasihat terbaik bagi orang di kawasan anda untuk mengetahui cara untuk melindungi diri.</p> <p>Sumber: WHO, UNICEF, IFRC</p>	
10.	<p>Krisis selalu menimbulkan ketakutan dan kebimbangan. Apakah tiga perkara tentang COVID-19 yang paling anda bimbangkan pada masa ini?</p> <p>Bagi setiap titik data, sila gunakan skala (tidak pernah bimbang; jarang bimbang; kerap bimbang).</p>	<p>kehilangan orang yang disayangi</p> <p>sistem kesihatan terbeban</p> <p>penutupan sekolah</p> <p>penutupan syarikat kecil</p> <p>kemelesetan ekonomi</p> <p>sekatan akses bekalan makanan</p> <p>kekacauan awam</p> <p>menjadi sakit</p> <p>hilang pekerjaan</p> <p>Lain-lain: _____</p>
11.	<p>Adakah anda berasa bahawa penyebaran COVID-19 di komuniti anda adalah disebabkan oleh golongan tertentu?</p>	<p>Ya</p> <p>Sedikit</p> <p>Tidak</p>
12.	<p>(Jika sedikit atau ya, tinjauan perlu menanya)</p> <p>Pada pendapat anda, siapakah yang menyebabkan penyebaran COVID-19?</p>	<p>Soalan terbuka</p>
<p>Kepercayaan kepada Sumber / Saluran maklumat</p>		
13.	<p>Apakah maklumat tentang COVID-19 yang pernah anda terima? (Pilih satu atau lebih daripada satu pilihan)</p>	<p>Cara melindungi diri anda daripada COVID-19</p> <p>Simptom-simptom COVID-19</p> <p>Cara penyebaran COVID-19</p> <p>Apakah yang perlu anda lakukan jika mempunyai simptom-simptom COVID-19</p> <p>Risiko dan komplikasi COVID-19</p>

		Lain-lain: _____
14.	<p>Berapa kerap anda menggunakan sumber maklumat berikut untuk mengikuti perkembangan COVID-19?</p> <p>Untuk setiap titik data, sila gunakan skala tidak pernah; jarang; kadang-kala; kerap; sentiasa.</p>	<p>Televisyen</p> <p>Surat khabar bercetak</p> <p>Perbualan bersama keluarga dan rakan</p> <p>Laman web atau berita atas talian</p> <p>Media Sosial (contohnya Facebook, Twitter, YouTube, WhatsApp, Line)</p> <p>Enjin carian (contohnya Google)</p> <p>Stesen radio</p> <p>Petugas kesihatan komuniti</p> <p>Pemimpin komuniti atau agama</p> <p>Bomoh tradisional</p> <p>Bidan tradisional</p> <p>Sukarelawan Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah</p> <p>Kementerian Kesihatan</p> <p>UNICEF</p> <p>WHO</p> <p>Sumber lain, seperti: _____</p>
15.	<p>Apakah tahap kepercayaan anda kepada sumber maklumat COVID-19 yang berikut?</p> <p>Untuk setiap titik data, sila gunakan skala tahap kepercayaan yang sedikit; tahap kepercayaan yang sederhana; tahap kepercayaan yang tinggi.</p>	<p>Televisyen</p> <p>Surat khabar bercetak</p> <p>Perbualan bersama keluarga dan rakan</p> <p>Laman web atau berita atas talian</p> <p>Media Sosial (contohnya Facebook, Twitter, YouTube, WhatsApp, Line)</p> <p>Enjin carian (contohnya Google)</p> <p>Stesen radio</p>

		<p>Petugas kesihatan komuniti</p> <p>Pemimpin komuniti atau agama</p> <p>Bomoh tradisional</p> <p>Bidan tradisional</p> <p>Sukarelawan Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah</p> <p>Kementerian Kesihatan</p> <p>UNICEF</p> <p>WHO</p> <p>Sumber lain, seperti: _____</p>
16.	<p>Apakah jenis maklumat yang anda perlukan pada masa ini? (Pilih satu atau lebih daripada satu jawapan)</p>	<p>Simptom-simptom COVID-19</p> <p>Kisah peribadi orang lain tentang cara mereka menghadapi krisis ini</p> <p>Maklumat tentang perkembangan vaksin baharu COVID-19</p> <p>Maklumat tentang perkembangan rawatan untuk COVID-19</p> <p>Cara-cara untuk mencegah penyebaran penyakit ini di dalam negara saya</p> <p>Cara-cara untuk menjaga orang daripada kumpulan berisiko</p> <p>Apakah yang boleh saya lakukan jika saya atau keluarga saya mempunyai simptom-simptom</p> <p>Cara-cara untuk menjaga pendidikan persekolahan anak-anak saya</p> <p>Perincian tentang sekatan melancong</p> <p>[*] Ya</p> <p>[*] Tidak</p>

		Lain-lain, sila nyatakan...
17.	Pernahkah anda berasa susah untuk menentukan kesahihan maklumat tentang COVID-19? Sebagai contoh, maklumat tentang cara-cara mencegah penyakit itu atau menyembuhkannya. Jika ada, sila beri contoh:	[Jawapan terbuka]
Penyertaan / Hubungan		
18.	Sekiranya kami ingin memberi respons terhadap maklum balas dan kebimbangan anda tentang COVID-19, bolehkah kami menghubungi anda?	Panggilan telefon Mesej teks Facebook Chat box Mesej Kumpulan di Aplikasi Mesej (Line, Whatsapp) E-mel Lain-lain (nyatakan)
19.	Adakah anda mempunyai cadangan untuk menambah baik komunikasi tentang penyakit ini?	Soalan terbuka
20.	Adakah anda mempunyai cadangan untuk aktiviti komuniti yang boleh mencegah penyebaran penyakit ini atau membendung kesannya?	Soalan terbuka
21.	Adakah terdapat perkara yang boleh dilakukan oleh Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah untuk menambah baik cara-cara memberi maklumat tentang COVID-19? (Soalan terbuka)	
22.	AKHIR TINJAUAN	Terima kasih! Jawapan anda akan membantu kami dalam memberi maklumat COVID-19 yang berguna dan relevan kepada semua orang. Untuk maklumat tentang COVID-19, sila layari laman web berikut:

		<p>XXX adalah sumber yang sah dalam konteks anda.</p> <p>Sekiranya anda mempunyai soalan tentang tinjauan ini, sila hubungi XX.</p> <p>Tekan SAMBUNG untuk menghantar jawapan anda.</p>
--	--	---

LAMPIRAN: Menu pilihan Soalan

Demografik		
No.	SOALAN	JAWAPAN
23.	Pekerjaan peserta yang ditemu bual:	Bekerja untuk upah Bekerja sendiri Tidak bekerja dan sedang mencari kerja Tidak bekerja dan tidak mencari kerja Suri rumah Pelajar Tentera Bersara Tidak mampu bekerja
Ilmu pengetahuan		
No.	SOALAN	JAWAPAN
24.	Apakah simptom-simptom utama COVID-19? (Pilih satu atau lebih daripada satu pilihan)	Demam Batuk Sukar bernafas Sakit tekak Sakit otot Sakit kepala Cirit-birit Asimptomatik [tidak menunjuk simptom] Lain-lain: _____ Tidak tahu
25.	Adakah anda berasa diri sendiri mempunyai risiko yang lebih tinggi daripada biasa untuk dijangkiti COVID-19? (Pilih satu pilihan)	Ya Tidak Tidak tahu

26.	Adakah anda berasa mencegah penyebaran COVID-19 di dalam komuniti anda adalah penting? (Pilih satu pilihan)	Ya Tidak Sedikit Tidak tahu
27.	Apakah yang akan anda lakukan sekiranya anda atau keluarga anda mempunyai simptom COVID-19? (Pilih satu atau lebih daripada satu pilihan)	Bertanya kepada saudara-mara yang lebih berpengalaman Pergi ke hospital atau unit kesihatan Pergi ke jururawat di kejuruan Membeli ubat di pasar Pergi ke bomoh tradisional Berada dalam kuarantin Lain-lain: _____
28.	Apakah yang selalu anda lakukan jika anda dijangkiti selesema? (Pilih tidak lebih daripada 2 pilihan)	Tiada. Saya akan meneruskan kehidupan seperti biasa selepas selesema sembuh Saya akan duduk di rumah supaya tidak menjangkiti orang lain Saya memakai topeng muka Saya minum teh sehingga sembuh Saya mendapatkan nasihat daripada jiran Saya mendapatkan nasihat daripada bomoh setempat Saya pergi ke pusat kesihatan Lain-lain: _____
29.	Bagaimanakah anda mendapatkan maklumat tentang selesema atau penyakit lain sebelum COVID-19? (Pilih satu atau lebih)	Televisyen Surat khabar bercetak Perbualan bersama keluarga dan rakan Laman web atau berita atas talian Media Sosial (contohnya Facebook, Twitter, YouTube, WhatsApp, Line)

	daripada satu pilihan)	<p>Enjin carian (contohnya Google)</p> <p>Stesen radio</p> <p>Petugas kesihatan komuniti</p> <p>Pemimpin komuniti atau agama</p> <p>Bomoh tradisional</p> <p>Bidan tradisional</p> <p>Sukarelawan Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah</p> <p>Kementerian Kesihatan</p> <p>UNICEF</p> <p>WHO</p> <p>Sumber lain, seperti: _____</p>
30.	Anda lebih gemar menerima maklumat tertulis dalam bahasa apa?	Soalan terbuka
31.	Anda lebih gemar menerima maklumat secara lisan dalam bahasa apa?	Soalan terbuka